KK/BP 10/173/1 Jld. 3(50)

KEMENTERIAN KEWANGAN

PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 3 TAHUN 2004

SKIM PINJAMAN KENDERAAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM AM PERSEKUTUAN, ANGGOTA TENTERA MALAYSIA DAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

Semua Pegawai Pengawal
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Badan Berkanun Persekutuan

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan dan syarat Skim Pinjaman Kenderaan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Anggota Tentera Malaysia dan Pasukan Polis Diraja Malaysia. Dalam hubungan ini, Bank Simpanan Nasional (BSN) telah dilantik untuk membiayai keperluan kewangan Skim ini.

KUASA MELULUSKAN PINJAMAN

2. Semua Pegawai Pengawal adalah diberi kuasa untuk meluluskan pinjaman kepada pegawai dan kakitangan Kementerian yang memenuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan (selepas ini dirujuk sebagai "peminjam"). Jika perlu, Pegawai Pengawal bolehlah mewakilkan kuasa itu secara bertulis kepada seorang Pegawai Kanan dan Perbendaharaan hendaklah diberitahu mengenai perkara ini.

SKIM BAYARAN KE ATAS PINJAMAN

3. Skim bayaran ke atas pinjaman kenderaan ini adalah seperti berikut:-

3.1. bayaran akan dibuat melalui potongan gaji bulanan peminjam dan terus dibayar kepada BSN melalui Jabatan Akauntan Negara atau Jabatan Mengakaun Sendiri mengikut mana yang berkenaan;

3.2. bayaran perkhidmatan 4% setahun yang dikira atas baki bulan yang belum diselesaikan dikenakan kepada peminjam;

3.3. bayaran perkhidmatan atas kadar yang ditetapkan oleh BSN akan dikenakan ke atas ansuran yang tertunggak sehingga diselesaikan;

3.4. bagi peminjam yang diluluskan cuti tanpa gaji atau separuh gaji, Pegawai Pengawal akan terus membuat pembayaran balik ansuran bulanan peminjam tersebut kepada pihak bank dengan menggunakan Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan Persekutuan sepanjang tempoh penangguhan bayaran ansuran bulanan peminjam yang diluluskan. Peminjam yang bercuti tanpa gaji atau separuh gaji itu dikehendaki membayar balik ansuran bulanan melalui potongan gaji apabila kembali berkhidmat dan dikreditkan kepada Kumpulan Wang tersebut;

3.5. pinjaman hendaklah diselesaikan sepenuhnya sebelum peminjam bersara, meletak jawatan atau meninggalkan perkhidmatan. Tempoh bayaran pinjaman hendaklah tidak melebihi baki tempoh perkhidmatan peminjam dengan Kerajaan;

3.6. bagi peminjam yang meninggal dunia di mana Pegawai Pengawal telah menjelaskan hutang baki pinjaman dengan BSN, Pegawai Pengawal berhak menuntut dari waris simati amaun pinjaman yang telah dijelaskan oleh Kementerian;

3.7. Pegawai Pengawal adalah diberi kuasa untuk membuat potongan sekaligus semua ansuran tertunggak atau baki pinjaman yang belum diselesaikan termasuk bayaran perkhidmatan yang ditetapkan oleh BSN daripada gaji bulanan peminjam; dan

3.8. Notis yang perlu dikemukakan oleh Kerajaan kepada BSN bagi tujuan menyalurkan wang pinjaman yang diluluskan terus ke dalam akaun bank peminjam adalah seperti mana yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara.

4. Syarat di atas dan syarat lain akan dimuktamadkan di dalam perjanjian antara peminjam dengan Kerajaan yang diwakili oleh Pegawai Pengawal.

LAIN-LAIN SYARAT PINJAMAN

5. Lain-lain syarat berkaitan adalah sama seperti di dalam Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan seperti berikut:-

5.1. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1993;
5.2. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1993;
5.3. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 1994;
5.4. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 1994;
5.5. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1996;
5.6. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2000;
5.7. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2001; dan
5.8. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 17 Tahun 2001.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling ini terpakai kepada Badan-badan Berkanun Persekutuan.

PERMULAAN KUATKUASA

7. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 9 Mac 2004.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

9 Mac 2004

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia

Pengurus Besar/Ketua Eksekutif
Bank Simpanan Nasional